

Implikasi Solat Terhadap Akhlak dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah (The Implications of Prayer Worship on Morals Among Primary School Students)

Mohamad Kamal Sulaiman
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Sulaimankamal74@gmail.com

Hafizhah Zulkifli
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

Abstrak

Solat merupakan penyerahan dan pengabdian diri kepada Allah SWT. Ia juga menunjukkan tanda keimanan seseorang itu dengan menunaikan perintah solat. Kajian ini dilaksanakan bagi untuk mengenal pasti implikasi ibadah solat terhadap akhlak dalam kalangan murid sekolah rendah yang bertujuan untuk menentukan tahap kefahaman, amalan, penghayatan dan implikasi solat terhadap akhlak. Kajian ini mengenal pasti empat faktor di atas terhadap akhlak murid dengan menggunakan reka bentuk analisis deskriptif dan inferensi serta teknik persampelan rawak. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 123 orang murid Islam Tahun Lima Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah Klang Selangor. Instrumen kajian adalah berbentuk soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman solat fardhu adalah tinggi (Min= 4.76 , SP= 0.19), tahap amalan solat fardhu berada pada tahap rendah iaitu (Min=1.59, SP=0.51), tahap penghayatan solat fardhu pula berada pada tahap tinggi (Min=4.33, SP=0.21) manakala tahap implikasi solat fardhu terhadap akhlak juga menunjukkan tinggi (Min=4.39, SP=0.28) Analisis inferensi korelasi Pearson pula digunakan untuk melihat hubungan di antara pemboleh ubah dan hasilnya telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pemboleh ubah. Kajian ini diharapkan dapat membantu kesedaran murid menunaikan perintah solat fardhu seterusnya akan dapat membantu bagi pembentukan akhlak dan sahsiah murid pada tahap yang lebih baik. Di samping itu, peranan semua pihak termasuk guru dan ibu bapa dalam memberikan didikan agama dengan sempurna, agar dapat melaksanakan ibadah solat fardhu dengan sebaik-baiknya dan memberikan impak yang terbaik terhadap akhlak mereka.

Kata Kunci : Solat, Kefahaman, Amalan, Penghayatan, Implikasi Terhadap Akhlak

Abstract

Prayer is submission and devotion to Allah SWT. It also shows the sign of one's faith by fulfilling the command to pray. This study was conducted to identify the implications of prayer worship on morals among primary school students which aims to determine the level of understanding, practice, appreciation and implications of prayer on morality. This study identifies the above four factors on student morale by using descriptive and inferential analysis design as well as random sampling techniques. The respondents in this study consisted of 123 Year Five Muslim students of Sungai Kapar Indah Klang Selangor National School. The research instrument is in the form of a questionnaire. The findings of the study show that the level of understanding of obligatory prayers is high (Min = 4.76, SP = 0.19), the level of practice of obligatory prayers is at a low level that is (Min = 1.59, SP = 0.51), the level of appreciation of obligatory prayers is at a high level (Min = 4.33, SP = 0.21) while the level of implications of obligatory prayers on morality also showed high (Mean = 4.39, SP = 0.28) Pearson correlation inference analysis was used to see the relationship between variables and the results have shown that there is no significant difference between variables. This study is expected to help students' awareness of fulfilling the obligatory prayers and in turn will be able to help for the formation of morals and personality of students at a better level. In addition, the role of all parties including teachers and parents in providing religious education perfectly, in order to perform obligatory prayers as best as possible and give the best impact on their morals.

Keywords : Prayer, Understanding, Practice, Appreciation, Implications for Morality

Article Progress

Received: 01 February 2021

Revised: 15 February 2021

Accepted: 01 March 2021

1. PENGENALAN

Solat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang wajib dikerjakan oleh setiap muslim yang mengaku beriman kepada Allah SWT. Menurut Nor Dalilah (2013) kewajipan solat ini amat dituntut untuk dilaksanakan sebagai pembimbing manusia ke arah jalan kebenaran dan jalan iman serta taqwa, solat perlu disempurnakan mengikut rukun-rukunnya. Dengan menunaikan solat secara sempurna dapat mendekatkan diri kepada Allah serta dapat mencegah perlakuan dan perbuatan yang mungkar dan keji. Melaksanakan kewajipan solat ini dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT, seseorang yang melaksanakan solat akan lebih dinamik, progresif, berdaya tahan, berkarisma dan imej soleh dapat diperlihatkan melalui tingkah laku seharian. Kelalaian menunaikan perintah Allah ini akan menyebabkan seseorang itu lemah pendirian, mudah terpedaya dan rosak segala amalannya.

Menurut al-Ghazali (2003) kesepaduan di antara ilmu dan amal mestilah dibaluti dengan nilai keimanan yang padu serta dengan hati yang ikhlas agar sentiasa kukuh dan bertaut menjadi nilai keimanan yang penuh hanya mengharap redha Allah SWT. Dengan keimanan yang kukuh, pelaksanaan solat ini tidak lagi menjadi beban kepada mereka yang inginkan rahmat dan mendambakan rahmat dan kasih sayang Allah SWT.

2. PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Kajian ini dibuat dan dilaksanakan adalah bertujuan untuk memahami amalan solat ekoran daripada lemahnya pegangan terhadap agama dan mengabaikan perintah solat lima kali sehari semalam yang perlu dipandang berat kerana sering meninggalkan solat serta tidak konsisten di dalam melaksanakannya. Tanggapan ini perlu dinilai semula kerana pelbagai punca kerosakan akhlak dan penyakit sosial kini berkait rapat dengan akibat daripada mengabaikan perintah solat. Syukri et al. (2014)

Menerusi program ceramah dan motivasi oleh Mohd Fadzilah Kamsah (2008) yang telah dijalankan di seluruh negara menyatakan bahawa sebanyak 80% rakyat Malaysia tidak cukup menunaikan solat lima waktu sehari. Apa yang membimbangkan peratusan pelaksanaan solat murid adalah rendah iaitu 15% (Utusan Malaysia, 2008). Perkara ini disokong melalui analisis dapatan daripada temu bual yang diperolehi bahawa di antara faktor murid tidak melaksanakan perintah solat adalah kerana sikap malas. (Ahmad Noor et al. 2013)

Hasil daripada pengamatan, pemerhatian dan temubual secara tidak langsung oleh pengkaji melalui murid Tahun Lima SK Sungai Kapar Indah, Klang, mendapati bahawa masih terdapat sebahagian murid yang belum menunaikan solat dengan sempurna. Di antara alasan yang diberikan oleh mereka adalah terlupa dan tidak sempat untuk menunaikan solat serta tiada dorongan daripada ibu bapa. Apabila disoal dalam sesi soal jawab kepada murid yang sering melakukan kesalahan disiplin adalah mereka yang culas daripada menunaikan solat fardhu.

Justeru, kajian ini amat signifikan bagi melahirkan insan yang beriman dan berakhlak mulia. Kesan daripada pelaksanaan solat amat didambakan bagi melahirkan pembentukan modal insan yang tinggi akhlaknya yang akan menjadi pewaris pada masa hadapan. Pengabaian solat dikhuatiri akan mengundang permasalahan yang lebih besar dan masalah disiplin yang tidak berkesudahan.

3. KAJIAN LITERATUR

Solat merupakan suatu ibadah wajib yang perlu ditunaikan oleh setiap individu muslim yang mengaku beriman kepada Allah SWT telah memenuhi syarat bagi kewajipan menunaikan solat, al-Qahtani (2009) samada yang sudah akil baligh lelaki atau perempuan. Solat yang dilaksanakan perlu memenuhi syarat-syarat yang telah digaris pandukan oleh Islam yang perlu dipatuhi dan

dikerjakan dengan sempurna sebagaimana yang telah dirakamkan di dalam surah Al-Baqarah ayat 43:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

“Dirikanlah solat, keluarkanlah zakat serta rukuklah kamu semua bersama-sama orang yang rukuk”.

Menurut Arnie Adnan (2016) Perintah kewajipan solat ini termasuk kepada mereka yang mempunyai kelainan upaya (berkeperluan khas) dan yang memenuhi syarat taklif menunaikan solat. Walaupun kurang berkemampuan dari segi fizikalnya, mereka tetap wajib melaksanakan perintah solat ini sesuai dengan kemampuan dan batasan yang dimiliki mereka. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 286 bermaksud “Allah tidak akan membebankan seseorang dengan tanggungjawab kecuali Allah tahu kemampuan seseorang itu”. Peranan para guru, ibu bapa dan masyarakat perlu diintegrasikan agar pelajar berkeperluan khas ini juga dapat menunaikan solat dalam keadaan yang selesa dan murid ini dihargai keberadaan mereka di samping masyarakat. Mereka juga adalah sebahagian daripada masyarakat yang perlu disantuni.

Mohd Farid (2016). Kajian ini telah dijalankan di Pusat Islam Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Program tersebut telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan secara aktif pelajar serta membawa natijah yang sangat memberangsangkan di mana ianya dapat menitikberatkan tentang penghayatan dan pengamalan solat.

Menurut Nur Faridah (2016) Kajian telah dilaksanakan kepada murid Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1). Pengkaji mendapati bahawa keperluan kepada kesepaduan antara pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang berkesan bagi memastikan murid dapat melaksanakan perintah solat ini tanpa disuruh.

Umat Islam telah diwajibkan melaksanakan perintah solat lima kali sehari semalam. Masih wujud dalam kalangan orang Islam yang mengambil mudah berkaitan dengan solat dan meringankan kewajipan tersebut sehingga diterbitkan kajian mengenai permasalahan ini iaitu, mengapakah ramai di kalangan pelajar masih tidak dapat menunaikan solat secara konsisten? Di antara alasan yang diberikan adalah tiada masa dan malas bagi menunaikan solat. Menurut Hasna Bidin (2016) faktor sebenar yang mempengaruhi seseorang itu tidak melaksanakan perintah solat secara konsisten adalah bermula dari diri mereka sendiri dan bermula dari rumah lagi.

Menurut Zahari Awang et al. (2016) Bacaan yang sering diabaikan murid ketika solat subuh adalah bacaan Doa Qunut. Doa Qunut merupakan sunat Muakkad yang perlu dibaca selepas iktidal pada rakaat yang kedua solat subuh. Bacaan Doa Qunut ini perlu dikuasai oleh murid kerana mereka sering memberikan belum menghafaz dan belum lancar Doa Qunut yang menyebabkan mereka meninggalkan solat subuh.

Berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah, memberikan sudut pandang yang signifikan terhadap amalan khusyuk di dalam solat yang akan menerbitkan akhlak terpuji iaitu mencegah daripada kemungkar dan menyeru ke arah kebaikan. Bagi menghasilkan solat yang sempurna dan berkualiti, aspek khusyuk perlu ditekankan supaya solat yang dikerjakan benar-benar dapat mencegah diri seseorang itu daripada melakukan perkara yang keji. Muhammad Saiful (2018)

4. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan kepada beberapa objektif utama dalam kalangan murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Klang iaitu:

- i. Mengetahui sejauh manakah tahap kefahaman murid tentang kewajipan solat fardhu.
- ii. Mengenal pasti tahap amalan solat fardhu dalam kalangan murid.
- iii. Mengenal pasti tahap penghayatan solat fardhu murid.
- iv. Menganalisis hubungan signifikan antara amalan, kefahaman, penghayatan solat dan implikasinya terhadap akhlak murid.

5. PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan kajian yang memerlukan penyelesaian iaitu:

- i. Apakah tahap kefahaman murid dalam melaksanakan solat fardhu?
- ii. Apakah tahap amalan solat fardhu dalam kalangan murid?
- iii. Apakah tahap penghayatan solat fardhu murid?
- iv. Adakah terdapat hubungan signifikan antara kefahaman, amalan, penghayatan solat dan implikasinya terhadap akhlak murid?

6. HIPOTESIS KAJIAN

Ho1: Tidak terdapat hubungan signifikan di antara kefahaman solat fardhu dan amalan solat fardhu.

Ho2: Tidak terdapat hubungan signifikan di antara amalan solat fardhu dan penghayatan solat fardhu.

Ho3: Tidak terdapat hubungan signifikan di antara amalan solat fardhu dan implikasi solat fardhu terhadap akhlak.

Ho4: Tidak terdapat hubungan signifikan di antara kefahaman solat fardhu dan penghayatan solat fardhu.

Ho5: Tidak terdapat hubungan signifikan di antara kefahaman solat fardhu dan implikasi solat fardhu terhadap akhlak.

Ho6: Tidak terdapat hubungan signifikan di antara penghayatan solat fardhu dan implikasi solat fardhu terhadap akhlak

7. METODOLOGI

Secara umumnya penyelidik akan dapat menerangkan kepada pembaca bagaimana perincian serta prosedur dan kaedah-kaedah yang diperlukan dalam setiap penyelidikan bagi mengumpulkan data. Data tersebut sangat memudahkan penyelidik untuk mendapatkan dapatan daripada responden seterusnya akan menganalisis kesemua data yang diperolehi. Melalui kaedah ini penyelidik akan mendapatkan gambaran awal tentang kajiannya. Instrumen penyelidikan, populasi, sampel, kerangka konseptual kajian dan reka bentuk kajian amat diperlukan oleh penyelidik bagi memahami konstruk dan dapat menghuraikan kajiannya berpandukan kepada cara mengumpulkan data serta menganalisis kajian.

7.1 Reka Bentuk Kajian

Menurut Chua (2011). Kajian tinjauan digunakan untuk mengkaji keseluruhan masalah ataupun sesuatu isu dengan saiz sampel yang begitu besar akan dapat mempercepatkan kutipan data, maklumat akan terus didapati melalui responden yang berkaitan serta dapat menyatakan tentang kajian dan juga populasi secara meyeluruh.

Penyelidik telah memilih kaedah tinjauan ini berdasarkan kepada kajian ini telah menggunakan item maklumat statistik atau soal selidik untuk mengumpulkan mendapatkan data sesuatu populasi, tempat tinggal, pekerjaan, tingkah laku dan pemikiran responden. Analisis deskriptif seperti peratus, kekerapan, min, mod, median yang dijalankan dan digunakan bagi mendapatkan data dan maklumat berkaitan dengan sampel yang diperolehi dan dikutip daripada responden adalah tepat dan cepat.

7.2 Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi merupakan sesuatu kelompok yang menunjukkan ukuran tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Sampel kajian pula adalah satu kumpulan kecil yang diambil daripada populasi. Dengan kata lain, ianya merupakan sebahagian kecil daripada populasi yang dijadikan kajian oleh penyelidik, Mohd Najib (1999). Menurut jadual Krejcie dan Morgan (1970) sampel kajian haruslah mewakili populasi. Lebih banyak peratusan sampel dari populasi adalah lebih baik kerana penyelidik mempunyai keyakinan untuk memilih sampel yang dikehendaki melalui ciri-ciri populasi yang dikaji (Mohd Najib 1999). Responden dalam kajian ini dipilih secara rawak iaitu 123 orang murid daripada 160 keseluruhan jumlah murid tahun Lima SK Sungai Kapar Indah.

7.3 Instrumen Kajian

Teknik yang paling banyak digunakan oleh penyelidik kini adalah melalui borang soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data. Di dalam kajian sains sosial kaedah ini adalah yang banyak digunakan untuk mendapatkan maklumat dari responden. Menurut Mohd Najib Ghafar (1999), bagi mendapatkan fakta perasaan dan kepercayaan dan sebagainya, soal selidik adalah kaedah yang paling sesuai digunakan sebagai alat pengukur kerana mendapat maklumat yang sangat cepat dalam penyelidikan.

8. DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian ini analisis data diperolehi melalui dapatan kajian yang melibatkan 123 responden murid Tahun 5 SK Sungai Kapar Indah Klang.

8.1 Taburan Demografi

Jadual di bawah menunjukkan taburan demografi responden yang terdiri daripada murid-murid Tahun 5 SK Sungai Kapar Indah berdasarkan jantina dan lokasi.

Jadual 1: Taburan Kekerapan Responden

| Ciri Demografi | | N | Peratus (%) |
|----------------|----------------|----|-------------|
| Jantina | Lelaki | 55 | 44.7 |
| | Perempuan | 68 | 55.3 |
| Lokasi | Bandar | 58 | 47.2 |
| | Luar Bandar | 34 | 27.6 |
| | Pinggir Bandar | 31 | 25.2 |

Jadual 1 di atas, menunjukkan seramai 55 orang peserta kajian terdiri daripada murid lelaki. Jumlah tersebut mewakili 44.7% peratus daripada keseluruhan jumlah peserta kajian. Manakala, responden dari kalangan murid perempuan pula adalah 55.3%, iaitu seramai 68 orang murid. Sebanyak 47.2% (58) orang murid tinggal di bandar, manakala 27.6% (34) orang murid tinggal di luar bandar manakala selebihnya 25.2% (31) orang murid tinggal di pinggir bandar.

8.2 Persepsi Tahap Kefahaman Solat Fardhu

Jadual 2: Tahap Kefahaman Solat Fardhu

| | PERSEPSI TAHAP KEFAHAMAN SOLAT FARDHU | N | Min | Sisihan Piawai |
|---|---|-----|------|----------------|
| 1 | Saya mengetahui cara melakukan solat dengan betul | 123 | 3.66 | 0.72 |
| 2 | Saya mengetahui balasan terhadap mereka yang tidak menunaikan solat | 123 | 3.76 | 0.95 |

| | | | | |
|-------------------|--|-----|------|------|
| 3 | Solat merupakan perintah yang wajib dilaksanakan oleh orang-orang yang beriman | 123 | 3.91 | 0.98 |
| 4 | Saya merasa berdosa sekiranya tidak menunaikan solat | 123 | 3.98 | 0.98 |
| 5 | Hukuman dan azab kepada mereka yang meninggalkan solat. | 123 | 4.12 | 0.98 |
| 6 | Saya berazam untuk menunaikan solat 5 waktu sehari semalam | 123 | 3.98 | 0.99 |
| 7 | Saya sentiasa menunaikan solat 5 waktu sehari semalam. | 123 | 3.95 | 0.97 |
| 8 | Saya sangat takut untuk meninggalkan Solat | 123 | 3.81 | 0.96 |
| 9 | Saya menyesal sekiranya tidak menunaikan Solat | 123 | 3.89 | 0.96 |
| 10 | Saya akan segera menunaikan Solat setelah azan berkumandang | 123 | 3.42 | 0.70 |
| Nilai Keseluruhan | | | 4.76 | 0.19 |

Jadual 8.2 menunjukkan persepsi murid terhadap tahap kefahaman murid berkaitan dengan solat fardhu. Nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.76 dengan nilai sisihan piawai 0.19. Nilai min paling tinggi bagi kefahaman solat fardhu ini adalah konstruk Hukuman dan azab kepada mereka yang meninggalkan solat. iaitu 4.12 dengan sisihan piawai 0.98. Ini menunjukkan bahawa kefahaman yang tinggi terhadap balasan kepada mereka yang meninggalkan solat. Nilai kedua tertinggi iaitu min 3.98 sisihan piawai 0.99 item 4 dan 6 dengan pernyataan bahawa Saya merasa berdosa sekiranya tidak menunaikan solat serta konstruk Saya berazam untuk menunaikan solat 5 waktu sehari semalam. Nilai ketiga tertinggi merupakan item 7 iaitu Saya sentiasa menunaikan solat 5 waktu sehari semalam. dengan nilai min 3.95 dan sisihan piawai 0.97. Nilai min paling rendah merupakan item 10 iaitu konstruk Saya akan segera menunaikan Solat setelah azan berkumandang dengan nilai min 3.42 dan sisihan piawai 0.70. Manakala item yang lain berada pada tahap min sederhana dan tinggi iaitu dari min 3.66 sehingga min 3.91.

8.3 Persepsi Tahap Amalan Solat Fardhu

Jadual 3: Tahap Amalan Solat Fardhu

| PERSEPSI TAHAP AMALAN SOLAT FARDHU | | N | Min | Sisihan Piawai |
|------------------------------------|--|-----|------|----------------|
| 1 | Saya menunaikan Solat lima waktu sehari semalam | 123 | 3.85 | 0.97 |
| 2 | Saya menunaikan Solat empat waktu sahaja sehari semalam, | 123 | 3.28 | 0.59 |
| 3 | Saya menunaikan Solat tiga waktu sahaja sehari semalam, | 123 | 3.13 | 0.83 |
| 4 | Saya menunaikan Solat dua waktu sahaja sehari semalam, | 123 | 3.23 | 0.48 |
| 5 | Saya menunaikan Solat satu waktu sahaja sehari semalam, | 123 | 2.93 | 0.91 |
| 6 | Saya tidak pernah menunaikan Solat di rumah | 123 | 2.98 | 0.96 |
| 7 | Saya kadang-kadang sahaja menunaikan solat | 123 | 3.05 | 0.99 |
| 8 | Saya menunaikan Solat Maghrib sahaja | 123 | 2.97 | 0.97 |
| 9 | Saya akan menunaikan Solat Maghrib dan Isyak sahaja | 123 | 3.14 | 0.79 |
| 10 | Saya selalu meninggalkan Solat Subuh | 123 | 2.93 | 1.00 |
| Nilai Keseluruhan | | | 1.59 | 0.51 |

Jadual 3 menunjukkan persepsi murid terhadap amalan solat fardhu. Nilai purata min keseluruhan yang diperolehi ialah min 1.59 dan nilai sisihan piawai 0.51. Nilai paling rendah bagi amalan solat ini ialah 2.93 iaitu dari item 5 berkaitan dengan pernyataan menunaikan solat hanya sekali sahaja dalam sehari semalam, dan item 10 iaitu saya selalu meninggalkan solat subuh dengan sisihan piawai 0.91 dan 1.00. Nilai min yang paling tinggi adalah berkaitan dengan item 1 iaitu 3.85 dengan pernyataan saya menunaikan lima waktu sehari semalam dengan sisihan piawai 0.97. Ini bermaksud bahawa majoriti murid Tahun 5 SK Sungai Kapar Indah menunaikan dan melaksanakan solat lima waktu sehari semalam. Nilai min kedua tertinggi 3.28 merupakan item 2 iaitu saya menunaikan solat empat kali dalam sehari semalam. Ini menunjukkan bahawa nilai yang tertinggi merupakan murid yang menunaikan solat lima kali sehari semalam. Manakala item yang lain berada pada min sederhana iaitu pada nilai 2.98 sehingga 3.28.

8.4 Persepsi Tahap Penghayatan Solat Fardhu

Jadual 4: Tahap Penghayatan Solat Fardhu

| | PERSEPSI TERHADAP PENGHAYATAN SOLAT FARDHU | N | Min | Sisihan Piawai |
|----|---|----------|-------------|-----------------------|
| 1 | Saya sedar bahawa Solat perlu ditunaikan pada setiap waktu (5 kali sehari semalam) | 123 | 4.00 | 0.99 |
| 2 | Saya menunaikan Solat tanpa disuruh oleh ibubapa | 123 | 3.62 | 0.63 |
| 3 | Saya akan menunaikan Solat setelah disuruh oleh ibubapa | 123 | 3.42 | 0.80 |
| 4 | Ibubapa saya yang mendorong saya melakukan Solat 5 waktu sehari semalam | 123 | 3.52 | 0.74 |
| 5 | Rakan selalu mengajak untuk menunaikan solat | 123 | 3.46 | 0.76 |
| 6 | Masyarakat sekeliling banyak mempengaruhi saya untuk menunaikan Solat | 123 | 3.98 | 0.73 |
| 7 | Guru / ustaz / ustazah sering mengingatkan saya tentang kewajipan tentang Solat | 123 | 3.67 | 0.76 |
| 8 | Guru / ustaz / ustazah sering mengingati saya untuk menunaikan Solat dengan sempurna. | 123 | 3.73 | 0.79 |
| 9 | Solat yang sempurna akan dapat menjadi hamba Allah yang taat. | 123 | 4.02 | 0.99 |
| 10 | Solat akan dapat mencegah daripada melakukan perkara mungkar | 123 | 4.28 | 0.78 |
| | Nilai Keseluruhan | | 4.33 | 0.21 |

Jadual 4 di atas menunjukkan persepsi murid terhadap penghayatan solat fardhu murid Tahun Lima SK Sungai Kapar Indah. Nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.33 dengan nilai sisihan piawai 0.21 dan berada pada tahap yang tinggi. Nilai min paling tinggi bagi penghayatan solat fardhu ini adalah item 10 iaitu solat akan dapat mencegah daripada melakukan perkara mungkar dengan min 4.28 dan sisihan piawai 0.78 dan berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa penghayatan terhadap solat dalam kalangan murid adalah tinggi. Nilai kedua tertinggi dengan min 4.02 dan sisihan piawai 0.99 iaitu pada item 9 dengan pernyataan Solat yang sempurna akan dapat menjadi hamba Allah yang taat. Nilai ketiga tertinggi merupakan item 1 iaitu Saya sedar bahawa Solat perlu ditunaikan pada setiap waktu. dengan nilai min 4.00 dan sisihan piawai 0.99. Nilai min paling rendah pula merupakan item 3 iaitu konstruk Saya akan menunaikan Solat setelah disuruh oleh ibubapa dengan nilai min 3.42 dan sisihan piawai 0.80. Manakala item yang lain berada pada tahap min sederhana dan tinggi iaitu dari min 3.46 sehingga min 3.98.

8.5 Persepsi Tahap Implikasi Solat Fardhu Terhadap Akhlak

Jadual 5: Implikasi Solat Fardhu Terhadap Akhlak

| | PERSEPSI IMPLIKASI SOLAT FARDHU TERHADAP AKHLAK | N | Min | Sisihan Piawai |
|----|---|----------|------------|-----------------------|
| 1 | Saya sentiasa menutup aurat dengan sempurna. | 123 | 3.89 | 2.74 |
| 2 | Saya tidak bergaul bebas (lelaki/perempuan) | 123 | 3.52 | 0.74 |
| 3 | Saya sentiasa bersangka baik kepada orang lain. | 123 | 3.53 | 0.66 |
| 4 | Saya memberi bantuan kepada kawan-kawan ketika di dalam kesusahan. | 123 | 3.77 | 2.74 |
| 5 | Saya selalu mengajak kawan-kawan untuk melakukan kebaikan. | 123 | 4.13 | 0.42 |
| 6 | Saya sentiasa hormat pada ibubapa / guru / kawan-kawan. | 123 | 4.20 | 0.48 |
| 7 | Saya bukan orang yang mementingkan diri sendiri. | 123 | 4.69 | 0.59 |
| 8 | Saya sentiasa berfikiran positif terhadap apa yang berlaku terhadap diri saya. | 123 | 4.68 | 0.64 |
| 9 | Saya berusaha untuk taat dan patuh kepada segala peraturan yang telah ditetapkan. | 123 | 4.78 | 0.58 |
| 10 | Saya sentiasa berdisiplin dan berusaha untuk | 123 | 4.84 | 0.41 |

menghindarkan diri dari sifat / perkara yang tidak baik.

Nilai Keseluruhan

4.39

0.28

Jadual 5 di atas menunjukkan persepsi murid terhadap implikasi solat fardhu terhadap akhlak murid Tahun Lima SK Sungai Kapar Indah. Nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.39 dengan nilai sisihan piawai 0.28 serta berada pada tahap yang tinggi. Nilai min paling tinggi bagi implikasi solat fardhu terhadap akhlak ini adalah item 10 iaitu Saya sentiasa berdisiplin dan berusaha untuk menghindarkan diri dari sifat / perkara yang tidak baik. dengan min 4.84 dan sisihan piawai 0.41 dan berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa kesan dari pelaksanaan solat murid dapat dilihat melalui akhlak yang ditunjukkan dalam kehidupan seharian. Nilai kedua tertinggi dengan min 4.78 dan sisihan piawai 0.57 iaitu pada item 9 dengan pernyataan Saya berusaha untuk taat dan patuh kepada segala peraturan yang telah ditetapkan serta berada pada tahap yang tinggi. Nilai ketiga tertinggi merupakan item 7 iaitu Saya bukan orang yang mementingkan diri sendiri dengan nilai min 4.69 dan sisihan piawai 0.69. Nilai min terendah pula merupakan item 2 iaitu konstruk Saya tidak bergaul bebas (lelaki/perempuan) dengan nilai min 3.52 dan sisihan piawai 0.74. Manakala item yang lain berada pada tahap min sederhana dan tinggi iaitu dari min 3.53 sehingga min 3.98.

8.6 Hubungan Signifikan Di Antara Amalan, Kefahaman, Penghayatan Serta Implikasi Solat Fardhu Terhadap Akhlak Murid Tahun Lima

Jadual 6: Hubungan antara pemboleh ubah

| Pemboleh ubah | | Kefahaman | Amalan | Penghayatan | Implikasi |
|---------------|-----------------|-----------|---------|-------------|-----------|
| Kefahaman | R | 1 | -0.38** | 0.20* | 0.34** |
| | Sig. (2-tailed) | | 0.00 | 0.03 | 0.00 |
| | N | 123 | 123 | 123 | 123 |
| Amalan | R | -0.38** | 1 | 0.13 | -0.02 |
| | Sig. (2-tailed) | 0.00 | | 0.16 | 0.80 |
| | N | 123 | 123 | 123 | 123 |
| Penghayatan | R | 0.20* | 0.13 | 1 | 0.54** |
| | Sig. (2-tailed) | 0.03 | 0.16 | | 0.00 |
| | N | 123 | 123 | 123 | 123 |
| Implikasi | R | 0.34** | -0.02 | 0.54** | 1 |
| | Sig. (2-tailed) | 0.00 | 0.80 | 0.00 | |
| | N | 123 | 123 | 123 | 123 |

** Korelasi signifikan pada paras 0.01 (2-tailed).

* Korelasi signifikan pada paras 0.05 (2-tailed).

Analisis Korelasi Pearson telah dilaksanakan agar dapat mengenal pasti hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah iaitu antara kefahaman solat fardhu dan amalan solat fardhu. Jadual 6 menunjukkan hasil analisis nilai pekali korelasi yang diperolehi. Kajian mendapati bahawa nilai (r) antara tahap adalah $r = -3.82$, $P = 0.00$, ($p < 0.05$). Ini menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah berhubung secara negatif rendah. Ini menunjukkan wujud hubungan yang lemah di antara kefahaman solat fardhu dan amalan solat fardhu. Maka hipotesis nol iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kefahaman solat fardhu dan amalan solat fardhu adalah ditolak.

Bagi mengenal pasti hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah iaitu amalan solat fardhu dan penghayatan solat fardhu. Jadual 6 menunjukkan hasil analisis nilai pekali korelasi yang diperolehi. Kajian mendapati bahawa nilai (r) antara tahap adalah $r = 0.13$, $P = 0.16$, ($p > 0.05$). Ini menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah berhubung pada tahap yang rendah. Ini telah menunjukkan bahawa wujud hubungan yang lemah di antara amalan solat fardhu dan penghayatan solat fardhu. Maka hipotesis nol iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan solat fardhu dan kefahaman solat fardhu adalah gagal ditolak.

Untuk mengenal pasti hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah iaitu amalan solat fardhu dan implikasi solat fardhu terhadap akhlak. Jadual 6 menunjukkan hasil analisis nilai pekali

korelasi yang diperolehi. Kajian mendapati bahawa nilai (r) antara tahap adalah $r = -0.02$, $P = 0.80$, ($p > 0.05$). Ini menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah berhubung pada tahap yang rendah dan juga menunjukkan wujud hubungan yang lemah di antara amalan solat fardhu dan implikasi solat fardhu terhadap akhlak. Maka hipotesis nol iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan solat fardhu dan implikasi solat fardhu terhadap akhlak adalah gagal ditolak.

Bagi menguji hubungan antara kefahaman solat fardhu dan penghayatan solat fardhu. Jadual 6 menunjukkan hasil analisis nilai pekali korelasi yang diperolehi. Kajian mendapati bahawa nilai (r) antara tahap adalah $r = 0.20$, $P = 0.03$, ($p < 0.05$). Ini menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah berhubung pada tahap yang rendah dan juga menunjukkan wujud hubungan yang lemah di antara kefahaman solat fardhu dan penghayatan solat fardhu. Maka hipotesis nol iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kefahaman solat fardhu dan penghayatan solat fardhu adalah ditolak.

Pengujian hubungan antara kefahaman solat fardhu dan implikasi solat fardhu terhadap akhlak. Jadual ini menunjukkan hasil analisis nilai pekali korelasi yang diperolehi. Kajian mendapati bahawa nilai (r) antara tahap adalah $r = 0.34$, $P = 0.00$, ($p < 0.05$). Ini menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah berhubung pada tahap yang sederhana tinggi dan juga menunjukkan wujud hubungan sederhana tinggi di antara kefahaman solat fardhu dan implikasi solat fardhu terhadap akhlak. Maka hipotesis nol iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kefahaman solat fardhu dan implikasi solat fardhu terhadap akhlak adalah ditolak.

Bagi menguji hubungan antara penghayatan solat fardhu dan implikasi solat fardhu terhadap akhlak. Jadual ini juga telah menunjukkan hasil analisis nilai pekali korelasi yang diperolehi. Kajian mendapati bahawa nilai (r) antara tahap adalah $r = 0.54$, $P = 0.00$, ($p < 0.05$). Ini menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah berhubung pada tahap yang tinggi dan juga menunjukkan wujud hubungan yang tinggi di antara penghayatan solat fardhu dan implikasi solat fardhu terhadap akhlak. Maka hipotesis nol iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara penghayatan solat fardhu dan implikasi solat fardhu terhadap akhlak adalah ditolak.

9. PERBINCANGAN

9.1 Persepsi Tahap Kefahaman Solat Fardhu

Berpandukan kepada dapatan daripada analisis yang telah dijalankan mendapati bahawa nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.76 dengan nilai sisihan piawai 0.19. Nilai min paling tinggi bagi kefahaman solat fardhu ini adalah melalui konstruk 'Hukuman dan azab kepada mereka yang meninggalkan solat.' iaitu 4.12 dengan sisihan piawai 0.98. Ini menunjukkan bahawa kefahaman yang tinggi terhadap balasan kepada mereka yang meninggalkan solat. Mereka juga sedar dan faham tentang balasan yang akan ditempuhi mereka sekiranya meninggalkan solat dengan sengaja.

Menurut Sharifah Nur (2012) mendapati bahawa terdapat ramai dalam kalangan remaja yang tidak konsisten dalam mengerjakan solat lima waktu sehari semalam dan mengabaikan perintah tersebut. Pandangan ini disokong oleh Shukri Ahmad et al. (2014) dalam kajiannya mendapati bahawa pelaksanaan solat itu dianggap tidak penting dan bukan suatu keutamaan yang perlu dikerjakan, manakala penghayatan solat juga masih di tahap yang masih rendah. Kurangnya ilmu pengetahuan, kefahaman dan kesedaran menunaikan solat adalah di antara remaja kini tidak menunaikan solat secara sempurna Hasna et al. (2015). Malahan apa yang lebih mendukacitakan lagi apabila terdapat remaja dan pelajar yang mempunyai kefahaman dan pengetahuan tentang solat, tetapi tidak melaksanakan perintah tersebut. Hasna Bidin (2016)

Menurut Imam al-Ghazali (1994) menyatakan bahawa solat itu merupakan tiang agama dan menjadi asas kepada pelbagai cara mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Solat fardhu perlu dikerjakan lima kali sehari semalam. Ini dapat dibuktikan dengan kedudukannya di dalam rukun Islam sebagai yang terpenting selepas syahadah. Solat juga menjadi lambang kepada ketaatan dan kepatuhan seseorang hamba kepada penciptanya serta dapat menambahkan dan menimbulkan ketakwaan dan keimanan yang sempurna. Namun sekiranya perintah solat ini diabaikan akibat

kelalaian dan keingkaran, maka ianya akan mengundang murka Allah serta azab yang menanti pada hari akhirat kelak.

9.2 Persepsi Tahap Amalan Solat Fardhu

Berdasarkan kepada analisis yang telah dilakukan bahawa tahap amalan solat fardhu murid ini menunjukkan nilai purata min keseluruhan ialah 1.59 dan nilai sisihan piawai 0.51. Nilai min yang paling tinggi adalah berkaitan dengan item 1 iaitu 3.85 dengan pernyataan ‘Saya menunaikan lima waktu sehari semalam’ dengan sisihan piawai 0.97. Ini bermaksud bahawa majoriti murid Tahun 5 SK Sungai Kapar Indah menunaikan dan melaksanakan solat lima waktu sehari semalam. Mereka mampu untuk menunaikan dan mengerjakan solat bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang muslim yang bertakwa.

Menurut Siti Rokiah (2007), hasil kajian yang telah dilaksanakan bertujuan untuk melihat sejauh manakah hubungan antara akhlak pelajar dan juga amalan solatnya. Hasilnya mendapati bahawa tahap amalan dan solatnya berada pada kedudukan tahap yang tinggi, ini berdasarkan daripada hasil kajiannya mengenai pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terhadap amalan solat. Dapatan kajian ini adalah wujud hubungan di antara sahsiah dan amalan solat pelajar. Berdasarkan kepada situasi yang berlaku, di antara pendorong perkara ini berlaku adalah kerana amalan tersebut berkait dengan konsep kehambaan, ketaatan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Menurut Imam al-Ghazali (1994) menyatakan bahawa semakin tinggi kehambaan kepada Allah, maka tingkatan ketakwaan semakin tinggi dan mampu untuk melawan segala anasir-anasir yang membawa kepada kemaksiatan terhadap Allah SWT.

9.3 Persepsi Tahap Penghayatan Solat Fardhu

Berdasarkan kepada analisis kajian persepsi terhadap penghayatan solat fardhu, nilai min paling tinggi bagi penghayatan solat fardhu ini adalah item 10 iaitu ‘solat dapat mencegah daripada melakukan perkara mungkar’ dengan min 4.28 dan sisihan piawai 0.78 dan berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa penghayatan terhadap solat dalam kalangan murid adalah tinggi.

Menurut Nor Dalilah (2013) melalui penghayatan solat, seseorang itu akan dapat menjadikan kehidupannya ke arah yang lebih positif. Dengan penghayatan solat yang sempurna akan dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT. Justeru, natijah daripada penghayatan solat ini mampu memelihara individu tersebut daripada melakukan perkara maksiat, keji dan mungkar. Solat fardhu yang diwajibkan lima kali sehari oleh Allah SWT ini bertujuan memberi peluang dan ruang kepada umat Islam untuk mendekatkan dan mengingatiNya setiap masa. Solat merupakan perkara yang paling penting dalam kehidupan manusia kerana ianya adalah amalan yang pertama dihisab oleh Allah SWT. Solat ini perlu dihayati sepenuhnya dengan cara memelihara waktu solat, melaksanakan setiap rukun solat dengan sebaik-baiknya dan juga menyempurnakan wuduk agar solat yang dikerjakan dapat dihayati sepenuhnya. (Hilmi, 2010)

9.4 Persepsi Implikasi Solat Fardhu Terhadap Akhlak

Pengkaji telah merumuskan dapatan daripada persepsi implikasi solat terhadap akhlak bahawa nilai min paling tinggi bagi implikasi solat fardhu terhadap akhlak ini adalah item 10 iaitu ‘Saya sentiasa berdisiplin dan berusaha untuk menghindarkan diri dari sifat / perkara yang tidak baik’ dengan min 4.84 dan sisihan piawai 0.41 dan berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa kesan dari pelaksanaan solat murid dapat dilihat melalui akhlak yang ditunjukkan dalam kehidupan seharian.

Solat merupakan ibadah utama yang perlu ditunaikan dengan sebaik-baiknya. Sekiranya diabaikan akan menatijahkan kepada banyak perlakuan buruk dan tingkah laku yang bertentangan dengan naluri manusiawi. Kekuatan keimanan kepada Allah SWT akan mendorong seseorang itu terus istiqamah dalam melaksanakan tuntutan solat dan berupaya menjadi benteng kepada kemaksiatan. Iman yang lemah pula akan membawa kepada sikap pengabaian solat dan sering melalaikan perintah tersebut. Murid yang sentiasa menjaga solatnya akan dapat mengawal diri daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah dan dapat menghindarkan diri dari masalah disiplin.

Melalui surah al-Ankabut ayat 45 menyatakan bahawa setiap manusia akan dapat mengawal diri daripada melakukan perkara sia-sia yang boleh menjerumuskan diri ke dalam kehinaan.

أَتْلُ مَا أُوْحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: Bacalah dengan apa yang diwahyukan kepadamu, iaitu al-Quran serta tunaikanlah solat. Kerana sesungguhnya solat itu dapat mencegah daripada perkara yang keji dan mungkar. Sesungguhnya mendirikan solat itu adalah lebih utama dari ibadat yang lain. Setiap perkara yang kamu lakukan semuanya dalam pengetahuan Allah SWT.

Menurut Shukri Ahmad (2014). Keruntuhan akhlak yang banyak berlaku kini banyak berpunca daripada pengabaian daripada melaksanakan solat. Orang yang sentiasa menjaga solatnya, merupakan mereka yang penuh keyakinan dan keimanan serta patuh terhadap perintah Allah SWT. Pendapat ini disokong oleh Mohd. Jirran (2015) dengan mengaitkan masalah akhlak dan sahsiah sebenarnya mempunyai hubungan yang kuat dengan amalan solat. Masalah akhlak dan sahsiah yang kian meruncing ini mempunyai hubungan yang kuat antara amalan solat dan akhlak, di mana pelajar yang sentiasa menunaikan solat juga didapati mempunyai nilai akhlak yang tinggi.

10. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya solat merupakan ibadah khusus yang perlu diberikan perhatian oleh setiap individu muslim. Dengan melaksanakan solat secara konsisten, akan dapat melahirkan generasi yang unggul dan tinggi nilai akhlaknya. Melalui kajian ini didapati bahawa tahap amalan solat fardhu murid masih lagi berada pada tahap yang rendah. Oleh hal demikian, beberapa aspek perlu diberikan perhatian serius agar dapat menarik minat dan menimbulkan rasa tanggungjawab terhadap perintah amalan solat walau di mana sahaja mereka berada sama ada di sekolah, di rumah atau di mana-mana sahaja. Adalah dikhuatiri, apabila murid ini mengabaikan solat, ianya akan mendedahkan mereka kepada keruntuhan akhlak yang akan mengundang terhadap gejala sosial yang menyimpang dari akhlak yang sebenar. Perhatian serius juga perlu diberikan kepada isu ini kerana permasalahan tingkah laku yang tidak baik seperti penyalahgunaan dadah, pembuangan bayi, keruntuhan akhlak dan sebagainya adalah berpunca daripada pengabaian perintah solat. Akibat daripada pengabaian ibadah solat ini, akhirnya akan mewujudkan pelbagai gejala negatif akan berlaku termasuk runtuhnya jati diri dan akhlak serta penyimpangan moral yang tidak berkesudahan. Justeru, semua pihak perlu memberikan sokongan dan dorongan bagi memperkasakan kefahaman dan keyakinan kepada setiap murid dalam menunaikan kewajipan solat serta dapat memelihara solat dengan sebaik-baiknya. Dengan memelihara solat, akan dapat menyemai modal insan yang berkualiti akhlaknya pada masa hadapan.

RUJUKAN

Al-Quran

Abdullah Basmeih (2010). *Tafsir Pimpinan Al- Rahman kepada Pengertian Al- Quran*. Edisi 14. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Ahmad Noor, Noor Ley & Anisah Harun. (2013) *Meningkatkan Kemahiran Mengurus Masa Menggunakan Set Kesempurnaan Solat Bagi Tahun 4 Rasional Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman 1*. In Seminar Penyelidikan Tindakan PPSMI 2013 (pp. 58-67)

al-Ghazali, Abu Hamid Muhamed bin Muhammad Imam. (2003). *Ihya' Ulum ad-Dīn*, Jilid 2 Kaherah: Maktabah Zahran.

- al-Ghazali, Al-Imam Abi Hamid Muhammad bin Muhammad, *Ihya' Ulumuddin* (Beirut: Dar al-Kheir, 1994)
- al-Qahtani (2009) *shaalatul mukmin mafhum wa fadhail wa adab wa anwa' wa ahkam wa kaifiyyah fi dhauil kitab was sunnah (ensiklopedia shalat menurut alquran was sunnah)*. Jilid 1. Jakarta. Pustaka imam asy syafie. Hlmn 141-177.
- Arnie Adnan (2016) *Pelaksanaan Solat Bagi Murid-Murid Bermasalah Pembelajaran. Disertasi ijazah sarjana pendidikan (pendidikan khas)*, Fakulti Pendidikan Dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Chua Yan Piaw, (2011). *Kaedah Penyelidikan Buku 1 Edisi Kedua* copyright@ 2011 by Mc Graw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Hasna Bidin (2016) *Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Negeri Johor*. Tesis Ijazah Sarjana Falsafah Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasna Bidin et al. (2015). *Kefahaman Ibadat Solat Fardhu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka*. Tesis Sarjana Falsafah Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. 21-34/www.sainshumanika.utm.my/e-ISSN ISSN: 2289-6996. Penerbit UTM Press.
- Hilmi Ismail (2010). *Pengamalan Solat Fardu di kalangan Mahasiswa di TATi University College (TATiUC) Kemaman Terengganu*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Krejcie, Robert V., Morgan, Daryle W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement, 30, 607-610.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Fadzilah Kamsah (2008). *Utusan Malaysia*: 23 Jun 2008
- Mohd Farid (2016). *Penglibatan Program Dakwah Dan Hubungannya Dengan Amalan Ibadat Solat Dan Pengamalan Akhlak Pelajar*. Pusat Islam POLIMAS. Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 653-662 Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Mohd. Jirran Mohd Jeperi. (2015). *Pemahaman Dan Amalan Ibadah Solat Fardhu Serta Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Kuala Terengganu*. (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Utara Malaysia).
- Muhamad Zahari Awang et al (2016). *Kajian Tindakan "Kem Bestari Solat" Dalam Meningkatkan Bacaan Doa' Qunut*: Proceedings Of The International Conference Of Education Towards Global Peace 30 November – 01 December Kuliyyah Of Education, International Islamic Education Malaysia.
- Muhammad Saiful (2018). *Khusyuk Dalam Melaksanakan Ibadah Solat: Peranannya Dalam Mencegah Perkara Keji dan Mungkar*. Volume 7 Issue 1 2018, 108-119 e-Academia Journal (<http://journale-academiauitmt.uitm.edu.my/v2/index.php/home.html>) © Universiti Teknologi MARA Terengganu.
- Nor Dalilah Zakaria (2013). *Pelaksanaan Ibadat Solat dan Hubungannya dengan Konflik Rumahtangga: Kajian di Unit Rundingcara Keluarga, Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, JAWI*. Jurnal Syariah, Jil.21, Bil. 2, Hal. 145–164, Jabatan Usul Fiqh: Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Nur Faridah (2016). *Amalan Solat Fardhu Murid Tahun Tiga Di Sekolah Rendah*. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sharifah Nur Abu. (2012). *Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam International Seminar on Research in Islamic Studies II (ISRIS II), 5-6 Februari, Kuala Lumpur.
- Siti Rokiah Binti Abdul Ghani (2007). *Amalan Solat Di Kalangan Pelajar: Kajian Di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (Ciast), Shah Alam, Selangor*. Tesis Sarjanamuda. Bangi: UKM.
- Syukri Ahmad (2014). *Penghayatan Solat dan Pengimarahannya Masjid: Kajian dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia*. Kertas Kerja. Universiti Utara Malaysia.
- Syukri Ahmad, et al (2014). *Penghayatan Solat Dan Pengimarahannya Masjid: Kajian Dalam Kalangan Pelajar*. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014, 9-10 Jun, Kota Kinabalu, Sabah.